



BUKU
PANDUAN
**PERLAKSANAAN
KPI PPI
2016 - 2020**

POLITEKNIK MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
EDISI 2016

**BUKU PANDUAN
PELAKSANAAN KPI PENSYARAH PELAWAT
INDUSTRI (PPI) 2016-2020**


POLITEKNIK MALAYSIA

EDISI 2016

Diluluskan pada : **Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik
Bil. 08/2016**

Tarikh diluluskan : **13 Jun 2016**

Disahkan oleh:



(HJ. MOHD GHASUS BIN AB KADIR)

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Pendidikan Politeknik
Pengerusi

Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik Bil. 08/2016

BP PELAKSANAAN KPI PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI 2016-2020

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 3-5, GALERIA PjH
JALAN P4W PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62100 PUTRAJAYA

No. Tel: 03 8891 9000

No. Faks: 03 8891 9300

Laman Sesawang: www.politeknik.gov.my

E-mel: webjppoli@mohe.gov.my

© Jabatan Pendidikan Politeknik,

Cetakan Pertama : 2013

Cetakan Kedua : 2014

Cetakan Ketiga : 2016

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian di dalam buku ini tidak dibenarkan untuk disalin, disimpan dalam apa-apa bentuk samada cara elektronik, mekanikal, penggambaran/semula dan perakaman atau apa cara yang memungkinkan untuk diterbitkan semula tanpa izin daripada Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi.

ISBN: 978-967-0823-26-3

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pendidikan Politeknik

Kementerian Pendidikan Tinggi

Buku Panduan Pelaksanaan KPI Pensyarah Pelawat Industri (PPI) 2016-2020

SINGKATAN

COPPA	<i>Code of Practice for Programme Accreditation</i> (Kod Amalan Akreditasi Program)
CQI	<i>Continuous Quality Improvement</i> (Penambahbaikan Kualiti Berterusan)
GE	<i>Graduate Employability</i> (Kadar Kebolehpasaran)
ILO	<i>International Labour Organization</i> (Pertubuhan Buruh Antarabangsa)
KPI	<i>Key Performance Indicator</i> (Petunjuk Prestasi Utama)
OD	<i>Operational Definition</i> (Definisi Operasi)
OS	<i>Objective Strategic</i> (Strategik Objektif)
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PPI	Pensyarah Pelawat Industri
PPPM (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
UNESCO	<i>United Nations Educational Scientific and Cultural</i>

PENGHARGAAN

Bahagian Instruksional Dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik ingin merakamkan penghargaan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama semua pihak bagi menjayakan pelaksanaan aktiviti Pensyarah Pelawat Industri untuk Politeknik Malaysia.

Kerjasama daripada semua pihak membolehkan politeknik mencapai matlamat dalam melahirkan graduan yang mampu bersaing dipasaran pekerjaan dan seterusnya menjadikan politeknik sebagai institusi yang signifikan dalam pembangunan negara.

Sebarang komen atau cadangan amat dialu-alukan agar Buku Panduan Pelaksanaan Pensyarah Pelawat Industri (PPI) ini ditambahbaik dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL

*Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Galeria PjH
Aras 4, Jalan P4W
Persiaran Perdana Presint 4
62100 WP Putrajaya*

Tel 03 – 8891 9170/9169/9351/9334

Faks 03 – 8891 9056

Web www.politeknik.gov.my

E-mel bipd.jpp@mohe.gov.my

ISI KANDUNGAN

1. SINGKATAN	4
2. PENGHARGAAN	5
3. BAB 1 – KONSEP Siti Junaidah binti M. Mujir (<i>PNS</i>), Siti Noridah binti Ali (<i>JPP</i>), Khairul Azha bin Ahmad (<i>JPP</i>)	7
4. BAB 2 – PERANCANGAN Amidah Binti Mohd Ujang (<i>PSA</i>), Ahmad Taufiq Wafi Bin Abd. Ghani (<i>JPP</i>)	13
5. BAB 3 – FORMULA PENGIRAAN Norzilah Binti Mohd Ali (<i>JPP</i>), Suzana Binti Ithnain (<i>PNS</i>)	19
6. BAB 4 – AKTIVITI / PELAKSANAAN Zaharatul Akmar Binti Ahmad Zainuddin (<i>PSA</i>), Syarlina Syazliza Binti Saaid (<i>JPP</i>)	24
7. BAB 5 – PELAPORAN DAN PENAMBAHBAIKAN Nazrizam Binti Ab. Wahab (<i>PSA</i>), Suhana Binti Baharuddin (<i>JPP</i>) & Nadzirah Binti Mohd. Rizal (<i>JPP</i>)	29
8. RUJUKAN	31
9. LAMPIRAN (DOKUMEN RUJUKAN)	
Lampiran 1 : Format Perancangan Pelaksanaan KPI PPI Politeknik	32
Lampiran 2 : Pengesahan Industri	33
Lampiran 3 : Format Pelaporan Aktiviti KPI PPI	34
Lampiran 3a : Contoh Pelaporan Aktiviti KPI PPI	37
Lampiran 4 : Refleksi Pelajar	40
Lampiran 4a : Contoh Refleksi Pelajar	41
Lampiran 5a : Contoh Pelaporan Oleh Pelaksana Aktiviti (e-polyPMO 2016- Borang B)	42
Lampiran 5b : Contoh Pelaporan Oleh Timbalan Pengarah Akademik (Sistem e-polyPMO 2016- Borang A)	43

BAB 1 KONSEP


(Siti Junaidah binti M. Mujir, Siti Noridah binti Ali & Khairul Azha bin Ahmad)

1.1 LATAR BELAKANG

Kerajaan berusaha membangunkan generasi pemimpin masa hadapan yang mampu melonjakkan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi. Seiring dengan matlamat ini, sistem pendidikan Malaysia dibangunkan untuk memastikan generasi muda Malaysia dapat berkembang secara holistik, mempunyai nilai-nilai murni, ilmu, dan kemahiran yang diperlukan untuk meraih kejayaan dalam dunia yang penuh dengan cabaran, persaingan yang kian berubah. Justeru, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM PT) telah dibangunkan dengan memberikan penekanan terhadap 10 lonjakan utama.

Lonjakan-lonjakan ini akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Lonjakan ini juga menjelaskan kaedah menangani isu berkaitan prestasi utama sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang mencorakkan landskap pendidikan tinggi.


Salah satu daripada 10 lonjakan tersebut ialah Graduan TVET berkualiti. Dalam mengukur pencapaian lonjakan ini, sebanyak EMPAT (4) strategi telah dikenalpasti dan salah satu daripada strategi tersebut ialah “Kurikulum Berlandaskan Industri”. Dalam menjayakan strategi ini, penyedia TVET (politeknik) akan melibatkan industri dalam menambah baik program sedia ada dan menjadikannya lebih relevan. Antara aktiviti penambahbaikan ini ialah penglibatan pengamal industri dalam proses pengajaran & pembelajaran (P&P) melalui aktiviti Pensyarah Pelawat Industri (PPI). Pelaksanaan PPI ini membolehkan para pelajar memperolehi pengetahuan dan berkongsi pengalaman serta teknologi terkini secara terus dari pengamal industri samada di bilik kuliah atau di industri.



Buku Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)

1.2 RASIONAL

Aktiviti PPI merupakan sebagai salah satu pendekatan yang diperkenalkan bagi membantu politeknik mempelbagaikan kaedah P&P untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam bidang pengajian yang diikuti. Ianya juga memenuhi Kod Amalan Akreditasi Program (Agensi Kelayakan Malaysia, 2010, ms.19) iaitu **standard asas** perkara 2.2.1(6) yang menyatakan:



Buku Kod Amalan
Akreditasi Program

*“WAJIB diwujudkan **kepelbagaian dalam kaedah pengajaran-pembelajaran** untuk mencapai matlamat kelapan-lapan domain hasil pembelajaran di samping memastikan bahawa pelajar bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka sendiri”*

Penglibatan industri melalui aktiviti PPI akan membolehkan pelajar mengaitkan ilmu yang diperolehi dari bilik kuliah dengan situasi sebenar di industri.

*“**Exposing the future workforce to the actual fieldwork**, industrial environment, state-of-the-art science and technology adapted in machineries and equipment operations and industrial practices provide ways to **relate classroom theories with actual industrial experiences** at the cognitive level of the students. The visits to the industry broaden the mental orientation of the students and also give the true picture of the on- going work”*


(Majumdar, 2008)

Kepentingan PPI juga digarap dalam perkara 5.11 Dasar & Prinsip Perancangan & Penyampaian Kurikulum Program Pengajian Politeknik Malaysia yang menekankan perlunya penglibatan industri yang lebih intensif dalam P&P bagi melahirkan graduat yang sedia bekerja (work-ready). Keperluan kepada graduat yang *work-ready* ini menjadikan kebolehpasaran graduan sebagai salah satu Petunjuk Kejayaan Utama (KSI) Politeknik Malaysia.

BP PELAKSANAAN KPI PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI 2016-2020

Di dalam *Technical & Vocational Education and Training for the Twenty-first Century – UNESCO & ILO Recommendation* (UNESCO, 2001, ms.44) menyatakan dalam Perkara 79:

*“Skilled professionals working outside education should be invited to teach in school, universities or other educational institutions in order to **link the world of work more closely to the classroom.**”*



Buku Technical & Vocational Education and Training for the Twenty-first Century

Penekanan yang diberikan oleh pihak UNESCO dan ILO juga dilihat sebagai satu saranan penting dalam membantu politeknik untuk pelaksanaan aktiviti PPI.

Berdasarkan rasional ini, maka penetapan KPI PPI diwujudkan bagi mengukur kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan aktiviti dalam memastikan ianya mendokong inisiatif-inisiatif yang telah digariskan.

1.3 KERANGKA KONSEP



Rajah 1: Kerangka Konsep Pensyarah Pelawat Industri (PPI)

Perlaksanaan PPI melibatkan **TIGA (3)** proses utama iaitu:

1.3.1 Perancangan

1.3.1.1 Pelajar

Merangkumi elemen kesediaan pelajar dari aspek kompetensi dan pengalaman. Perlaksanaan PPI terbaik ialah dengan melihat kepada pengalaman terhad pelajar dalam sesuatu disiplin agar ianya dapat dilengkapkan dengan penglibatan industri.

1.3.1.2 Kurikulum

Merangkumi kandungan kurikulum yang relevan dengan perkembangan teknologi masa kini. Dalam sesetengah keadaan, perlaksanaan PPI dilihat mampu memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada pelajar berdasarkan sukatan kurikulum yang telah ditetapkan.

1.3.1.3 Prasarana

Merangkumi segala aspek berkaitan kemudahan, fasiliti dan infrastruktur bagi perlaksanaan PPI samada ianya dilaksanakan di politeknik atau industri.

1.3.1.4 Kewangan

Merangkumi dana dan peruntukan dalam penganjuran aktiviti, bayaran kepada PPI, elaun pelajar dan kos-kos lain yang berkaitan. Perbelanjaan PPI juga harus diseimbangkan dengan jumlah peruntukan sedia ada yang diterima oleh politeknik.

1.3.1.5 Industri

Merangkumi kesediaan pihak industri dalam bekerjasama untuk perlaksanaan PPI. Kerelevanan industri juga harus dititikberatkan agar perlaksanaan PPI mampu memberikan impak yang besar kepada kumpulan sasaran.

1.3.2 Perlaksanaan

1.3.2.1 Aktiviti

Merangkumi aktiviti-aktiviti yang telah diaturkan dalam perlaksanaan PPI. Perincian bagi aktiviti ini diterangkan dalam **Bab 4**.

1.3.2.2 Medium

Merangkumi saluran atau kaedah yang digunakan bagi perlaksanaan PPI. Perincian bagi aktiviti ini diterangkan dalam **Bab 2**.

1.3.2.3 Refleksi

Merangkumi proses untuk melihat perkembangan pembelajaran pelajar bagi mencapai objektif sesuatu aktiviti. Ianya juga dilihat sebagai satu peluang CQI bagi perlaksanaan aktiviti PPI pada masa akan datang.

1.3.3 Hasil ke Arah Graduan Holistik:

Graduan holistik dan seimbang adalah mereka yang berilmu dan berakhlak merentasi dimensi intelek, rohani, emosi, dan fizikal untuk membantu perkembangan peribadi serta berupaya untuk menyumbang secara aktif kepada masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ianya termasuk keupayaan keusahawanan, pengetahuan sains, dan teknologi serta memiliki sikap, nilai, dan etika positif dan progresif melalui pendidikan, latihan, dan pembelajaran sepanjang hayat. Politeknik Malaysia berkeyakinan **EMPAT (4)** atribut di bawah adalah tunggak utama dalam usaha memperkasakan graduan supaya mempunyai jati diri yang kukuh dan berkemampuan mengaplikasikan pengetahuan kepada amalan.

1.3.3.1 Akademik

Merangkumi pencapaian akademik pelajar dan seterusnya peningkatan terhadap kompetensi pelajar berdasarkan pengalaman pembelajaran yang diperolehi sepanjang aktiviti PPI.

1.3.3.2 Explorasi

Merangkumi daya imaginasi, pemikiran kritis dan kreatif serta inovatif pelajar yang mungkin terhad diperolehi di dalam bilik kuliah.

1.3.3.3 Personaliti

Merangkumi sikap yang baik, bertanggungjawab, adaptasi terhadap persekitaran dan gaya kepimpinan.

1.3.3.4 *Connectivity*

Merangkumi aspek komunikasi secara verbal atau tidak dengan pihak atasan, rakan kerja berpasukan dan *commercial awareness* (bersesuaian dengan perkembangan semasa).

1.4 KEPENTINGAN

Penglibatan industri yang memberi impak secara langsung ke atas P&P:

1.4.1 Politeknik

1.4.1.1 Memperluaskan skop kurikulum dengan perkongsian kepakaran bersama industri.

1.4.1.2 Meningkatkan kualiti P&P program pengajian Politeknik Malaysia.

1.4.1.3 Memperluaskan pengetahuan dan akses kepada teknologi terkini dalam bidang pengajian.

1.4.1.4 Menjadi institusi pendidikan pilihan untuk para pelajar lepasan sekolah dan komuniti untuk melanjutkan pendidikan berteraskan TVET.

1.4.1.5 Menjadikan pendidikan TVET lebih relevan dan signifikan dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

BP PELAKSANAAN KPI PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI 2016-2020

1.4.2 Pelajar

- 1.4.2.1 Menyediakan peluang untuk membina kemahiran insaniah, keusahawanan dan laluan kerjaya selepas bergraduat.
- 1.4.2.2 Menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran.
- 1.4.2.3 Memberi pendedahan dan idea awal untuk perancangan dan pelaksanaan projek pelajar.
- 1.4.2.4 Mewujudkan peluang eksplorasi ilmu dan teknologi dalam sektor industri.
- 1.4.2.5 Memberi pendedahan kepada etika kerja professional dan persekitaran pekerjaan sebenar di industri.
- 1.4.2.6 Meningkatkan daya saing pelajar dalam pasaran pekerjaan.

1.4.3 Industri

- 1.4.3.1 Menjalinkan hubungan kerjasama dan sinergi antara industri dan politeknik.
- 1.4.3.2 Menggalakkan penglibatan dalam pembangunan kurikulum TVET Malaysia bagi memenuhi keperluan industri.
- 1.4.3.3 Menyumbang kepada kemajuan negara melalui perkongsian kepakaran, ilmu dan amalan sebenar di industri kepada generasi baru.
- 1.4.3.4 Membantu mempromosikan industri.
- 1.4.3.5 Membantu membina asas ekonomi masyarakat yang produktif.

1.5 RUMUSAN

Pelaksanaan PPI ini dapat menyumbang kepada pencapaian strategi bagi memastikan hasrat negara dalam PPPM 2015-2025 (PT) dapat dicapai menjelang tahun 2025. Penetapan KPI juga diwujudkan bagi mengukur kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan aktiviti bagi memastikan ianya mendokong inisiatif strategik lonjakan ke-4 yang telah digariskan.

BAB 2

PERANCANGAN

(Ahmad Taufiq Wafi Bin Abd. Ghani & Amidah Binti Mohd Ujang)

2.1 PENGENALAN

Perancangan pelaksanaan PPI merupakan satu usaha politeknik dalam merangka setiap aktiviti bagi memantapkan perkongsian dengan industri di samping meningkatkan kualiti tenaga pengajar serta penyampaian program. Perancangan ini adalah berdasarkan keberhasilan graduan holistik bagi mengoptimumkan peruntukan dibawah TVET. Selain dari itu, aspek bagi meningkatkan peratusan pelajar politeknik yang mempunyai pengalaman dan persijilan profesional turut digalakkan.

Perancangan aktiviti PPI ini disediakan oleh setiap politeknik bagi memenuhi keperluan serta pencapaian sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik, JPP.

2.2 MATLAMAT

Tujuan perancangan PPI ini adalah bagi membantu politeknik membuat persediaan awal berkenaan aktiviti yang akan dilaksanakan berdasarkan keperluan program serta peruntukan yang disalurkan untuk menjayakan setiap aktiviti PPI di politeknik.

2.3 KANDUNGAN

2.3.1 STRATEGIK OBJEKTIF

Menjadikan pendidikan tinggi TVET yang memenuhi permintaan industri dan membuka peluang pembangunan kerjaya individu.

2.3.2 PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Peratus program mencapai jam interaksi yang melibatkan PPI dalam proses P&P.

2.3.3 DEFINISI OPERASI

PPI adalah pengamal industri yang menyumbang kepakaran mereka dalam pelaksanaan P&P di politeknik meliputi perancangan, penyampaian dan penilaian P&P ke arah menghasilkan graduan yang **work ready**.

Industri bermaksud organisasi luar **selain organisasi bidang pendidikan** yang terdiri daripada sektor awam, swasta, NGO, badan profesional dan lain-lain.

Pengamal Industri terdiri daripada ahli industri termasuk ahli akademik di universiti yang mendapat pengiktirafan profesional seperti Ir/Sr/Ar/Cr.

BP PELAKSANAAN KPI PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI 2016-2020

Interaksi bermaksud pertemuan PPI dengan pelajar melalui pelbagai aktiviti PPI samada secara bersemuka atau atas talian (*online*).

Interaksi atas talian bermaksud interaksi secara langsung yang membenarkan perhubungan dua hala di antara pelajar dan penceramah/pensyarah. Contoh seperti persidangan video.

Jam interaksi ialah tempoh masa interaksi PPI bagi setiap aktiviti melibatkan pelajar semester 1 hingga semester 6.

Jumlah jam interaksi ialah jumlah kumulatif jam interaksi PPI semua aktiviti yang dijalankan oleh sesuatu program pengajian dalam setahun.

Program ialah susunan kursus yang distrukturkan untuk suatu tempoh tertentu dan peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan yang lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan. Program-program ini ialah program peringkat sarjana muda, diploma lanjutan dan juga diploma (Agensi Kelayakan Malaysia, 2010). Namum ianya adalah **TIDAK TERMASUK** program Sijil Kemahiran Khas dan Pra Diploma. Contoh:

- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan
- Diploma Lanjutan Kejuruteraan Reka Bentuk dan Pembuatan Automatif
- Diploma Kejuruteraan Awam

Program Matang:

Program yang telah ditawarkan dan mempunyai sekurang-kurangnya pelajar di semester dua (2) pada tahun kiraan. Bagi program yang ditawarkan pada sesi Jun maka ianya akan dikecualikan dalam pengiraan KPI PPI. Contoh program A ditawarkan pada sesi Jun 2016, maka ianya tidak akan dikira dalam pengiraan jam PPI (Diploma).

Jadual 2.1: Jumlah Sasaran Bagi Program Baharu Peringkat Diploma

PROGRAM	SESI KEMASUKAN PELAJAR	JUMLAH SASARAN JAM PERLU DICAPAI TAHUN 2016
A	Jun 2016	0
B	Dis 2015	10 jam
C	Jun 2015	20 jam
D	Dis 2014	30 jam
E	Jun 2014	40 jam

Jadual 2.2: Jumlah Sasaran Bagi Program Yang Jumud Peringkat Diploma

PROGRAM	SESI JUMUD	BILANGAN SEMESTER PENGAJIAN <i>(Tidak Termasuk Latihan Industri)</i>	JUMLAH SASARAN JAM PERLU DICAPAI TAHUN 2016
A	Jun 2016	5	50 jam
B	Jun 2016	4	40 jam
C	Jun 2016	3	30 jam
D	Jun 2016	2	20 jam
E	Jun 2016	1	10 jam

Jadual 2.3: Jumlah Sasaran Bagi Program Baharu Peringkat Ijazah

PROGRAM	SESI KEMASUKAN PELAJAR	JUMLAH SASARAN JAM PERLU DICAPAI TAHUN 2016
A	Mac 2016	0
B	September 2015	10 jam
C	Mac 2015	20 jam
D	September 2014	30 jam
E	Mac 2014	40 jam

2.4 SASARAN PUSAT (*CENTRAL TARGET*)

Sasaran pusat atau *central target* merupakan satu sasaran yang ditetapkan oleh JPP kepada kategori politeknik untuk dicapai pada sesuatu tahun bagi tujuan *polytechnic rating* atau penentuan politeknik premier (Minit Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Time Sector Privatisation (TSP) Politeknik KPT Bil 02/2012, 2012)

Contoh Central Target bagi Politeknik Premier:

Central Target KPI PPI yang ditetapkan ialah sebanyak **80%** daripada **jumlah program yang ditawarkan** di sesebuah politeknik.

2.5 PERANCANGAN PPI

2.5.1 Penyediaan Perancangan Aktiviti

Perancangan ini disediakan oleh Ketua Program dan diserahkan kepada Penyelaras PPI Politeknik untuk tujuan penyelarasan aktiviti PPI peringkat politeknik. Dokumen yang sama juga perlu disimpan diperingkat program untuk dipantau oleh Ketua Jabatan.

Perancangan pelaksanaan aktiviti PPI seperti yang ditunjukkan pada **Lampiran 1** merupakan ringkasan perancangan yang mengandungi maklumat berkenaan aktiviti yang akan dijalankan. Ianya perlu disediakan oleh penyelar PPI politeknik sebelum tahun pelaksanaan bermula.

2.5.2 Penyediaan perancangan Kewangan

Dalam pelaksanaan PPI, politeknik boleh menggunakan peruntukan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) yang diperuntukkan di bawah OS 24000, OS 29000 & OS 42000.

24000 - Sewaan

- i. Objek Sebagai ini merekodkan semua bayaran berkenaan dengan sewaan atau pajakan tanah, bangunan, kemudahan dan alat kelengkapan tetapi tidak termasuk sewaan atau pajakan alat perhubungan.
- ii. Termasuk di bawah sewaan kenderaan ialah sewaan kenderaan untuk pengangkutan orang dan barang-barang di mana bayaran sekaligus dibuat kepada penyewa tanpa apa-apa kos tambahan berhubung dengan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pengangkutan seperti insurans, bayaran kos buruh dan sebagainya.
- iii. Sewaan kenderaan tidak termasuk pengangkutan orang dan barang yang dituntut di bawah Objek Sebagai 21000 dan 22000 dan juga sewaan kenderaan untuk pengangkutan orang jemputan dan barang-barangnya yang hendaklah direkodkan di bawah Objek Lanjut 29400.

29000 - Perkhidmatan Iktisas Dan Lain-lain Perkhidmatan Yang Dibeli Dan Hospitaliti

Objek Sebagai ini merekodkan semua jenis perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pihak luar tetapi tidak termasuk penyelenggaraan dan pembaikan (yang direkodkan di bawah Objek Sebagai 28000 untuk pembaikan kecil atau Objek Sebagai 30000 untuk pembaikan besar sebagai tambahan kepada aset). Bayaran kepada pekerja-pekerja kontrak, sambilan dan separuh masa yang tidak menyandang jawatan tetap juga direkodkan di bawah Objek Sebagai ini.

42000 - Pemberian Dalam Negeri

Objek Sebagai ini merekodkan bayaran-bayaran dalam bentuk pemberian, bantuan, caruman dan subsidi yang ditujukan untuk mana-mana pihak dalam negeri.

2.5.3 Panduan pembayaran bagi penceramah/pensyarah yang menggunakan peruntukan perbendaharaan (Contoh: Elaun Kakitangan Kontrak)

2.5.3.1 **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005** – Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah Dan Fasilitator Sambilan.

Semua pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkutan yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti Jadual 2.4 berikut:

Jadual 2.4: Kadar Bayaran Bagi Pensyarah/Penceramah Sambilan Yang Berkhidmat Dengan Kakitangan Awam

KUMPULAN PERKHIDMATAN	KADAR BAYARAN SAGUHATI		HAD MAKSIMUM SEBULAN
	Pensyarah/ Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 - 52	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 - 44	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

2.5.3.2 **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 19 Tahun 2002** - Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus dan Latihan yang perlu dipatuhi oleh Agensi.

Kadar bayaran kepada penceramah/pensyarah hendaklah berdasarkan kelayakan akademik seperti Jadual 2.5 berikut:

Jadual 2.5: Kadar Bayaran Bagi Pensyarah/Penceramah Sambilan Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kakitangan Awam

KADAR ASAS MENGIKUT KELAYAKAN AKADEMIK			
Diploma / Sijil	Sarjana Muda	Sarjana	Ph.D
RM100 sejam	RM200 sejam	RM300 sejam	RM400 sejam

2.5.4 Kaedah Pelaporan

Politeknik perlu menghantar perancangan pelaksanaan KPI PPI kepada JPP sebelum tahun berikutnya bermula melalui platform berkaitan. **(Rujuk Lampiran 1)**

2.6 RUMUSAN

Program PPI ini amat penting dalam melahirkan dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar politeknik selaras dengan peranan politeknik sebagai Peneraju TVET. Melalui perancangan program yang rapi dan berkesan diharapkan dapat memberi impak dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan matlamat tercapai. Hubungan yang baik antara pihak politeknik dan industri juga harus dikekalkan bagi kelangsungan pelajar yang bakal dilahirkan agar lebih berdaya saing, lebih produktif selari dengan perkembangan teknologi.

Sebagai kesimpulannya, dengan kombinasi ketelitian perancangan program PPI dan sokongan padu dari pihak pengurusan industri, lahirlah pelajar politeknik yang *work ready*, seimbang dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

BAB 3

FORMULA PENGIRAAN

(Norzilah Binti Mohd Ali & Suzana Binti Ithnain)

3.1 PENGENALAN

Pelaksanaan PPI yang benar-benar berjaya mampu memberi impak kepada kumpulan sasaran. Ini termasuklah proses pengiraan jam pertemuan PPI yang melibatkan aktiviti di politeknik mahupun di industri. Pencapaian jam PPI mampu mengukuhkan kerelevanan dan keresponsifan program pengajian politeknik. Penekanan yang jitu harus diberikan dalam proses pengiraan jam pelaksanaan PPI yang mana ianya merupakan intipati dalam pengukuran pencapaian KPI berkenaan. Pengiraan jam adalah berdasarkan contoh-contoh aktiviti yang lazim diadakan di politeknik.

3.2 PELAKSANAAN

Politeknik bebas melaksanakan aktiviti PPI berdasarkan bidang pengajian pelajar. Ini termasuk semua jenis kursus yang terkandung di dalam struktur program pengajian pelajar. Namun demikian, pelaksanaan 100% aktiviti PPI melibatkan kursus yang berkaitan **bidang pengajian pelajar** adalah **DIGALAKKAN**.

Nota:

Bidang Pengajian - Kursus bidang pengajian pelajar merujuk kepada Dokumen Kurikulum (Programme Information → Programme Structure) iaitu *common core course*, *discipline course* dan *elective course*. Pelaksanaan PPI melibatkan *compulsory course* juga boleh diambil kira dalam pencapaian KPI PPI, namun ianya terhad kepada 20% dari keseluruhan jam yang dikira.

Sekiranya terdapat aktiviti yang melibatkan kursus selain daripada bidang pengajian, agihan pengiraan jam interaksi adalah seperti berikut:

- i. Sekurang-kurangnya **80%** daripada jam interaksi yang dikira perlu melibatkan kursus yang berkaitan **bidang pengajian pelajar**.
- ii. **Tidak lebih 20%** daripada jam interaksi yang dikira boleh melibatkan sebarang aktiviti dari kursus selain daripada bidang pengajian.

Walau bagaimanapun, semua jenis aktiviti kemasyarakatan atau kesukarelaan tidak diambil kira dalam pengiraan KPI PPI. Pengiraan peratus KPI PPI melibatkan **SEMUA** kursus **KECUALI** Latihan Industri dan sesi P&P di industri bagi program *Work Based Learning* (WBL).

Pengiraan jam ini adalah berdasarkan Jadual 3.1 di bawah:

Jadual 3.1: Sasaran Pusat Pengiraan Jam Interaksi Bagi Mencapai KPI PPI

JENIS POLITEKNIK	PERATUS PROGRAM YANG PERLU MENCAPAI KPI PPI	JUMLAH JAM (Tahun: 2016 – 2020)
Premier	80	50*
Konvensional 1 & 2	70	
METrO	70	

(Rujuk Perkara 3.3 dokumen ini untuk kaedah pengiraan yang lebih terperinci)

*Bilangan jam adalah tertakluk kepada sebarang perubahan semasa

Semua perancangan pelaksanaan KPI PPI Politeknik perlu melengkapkan borang seperti di **Lampiran 1**.

3.3 PENGIRAAN JAM INTERAKSI

FORMULA PENGIRAAN

$$P = \frac{a}{A} \times 100$$

- P** Peratus program yang mencapai jam interaksi melibatkan PPI
- a** Bilangan program yang mencapai jam interaksi melibatkan PPI
- A** Jumlah program yang ditawarkan di politeknik

Contoh 1: Kiraan PPI untuk Aktiviti Lawatan ke Industri:

Jadual 3.2: Kiraan Jam Interaksi PPI Untuk Aktiviti Lawatan

MASA	AKTIVITI	KIRAAN JAM INTERAKSI
8.00 – 9.00 pagi	Bertolak dari Politeknik ke JKR	0
9.00 – 12.00 tghr	Sesi Taklimat oleh pihak JKR	*3
12.00 – 1.00 ptg	Q & A	*1
1.00 – 2.00 ptg	Rehat dan Makan Tengahari	0
2.00 – 4.00 ptg	Lawatan ke Tapak Projek	*2
4.00 – 5.00 ptg	Majlis Penutup	0

*6 jam diambilkira sebagai Jam Interaksi PPI

Jadual 3.3: Kiraan Jam Interaksi PPI Untuk Panel Penilai Projek Akhir (DKA, DKM & DKE)

MASA	AKTIVITI	KIRAAN JAM INTERAKSI												
9.00 – 10.00 pagi	Ketibaan & Majlis pembukaan	0												
10.00 – 1.00 ptg	Sesi Penilaian oleh Panel industri 1. 2 penilai di dua tempat berbeza untuk program yang sama 2. 2 penilai tempat yang sama untuk program yang sama	2 Interaksi x 3 jam = 6 1 Interaksi x 3 jam = 3												
2.00 – 3.30 ptg	1 atau lebih penilai di tempat yang sama untuk program yang berbeza (DKM, DKE & DKA) <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Masa</th> <th>Program</th> <th>Tempoh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2.00-2.30</td> <td>DKM</td> <td>½ jam</td> </tr> <tr> <td>2.30-3.00</td> <td>DKA</td> <td>½ jam</td> </tr> <tr> <td>3.00-3.30</td> <td>DKE</td> <td>½ jam</td> </tr> </tbody> </table>	Masa	Program	Tempoh	2.00-2.30	DKM	½ jam	2.30-3.00	DKA	½ jam	3.00-3.30	DKE	½ jam	Setiap program terlibat memperoleh : 1 Interaksi x 1/2 jam = 1/2 (DKM = ½ jam, DKE =1/2 jam, DKA=1/2 jam)
Masa	Program	Tempoh												
2.00-2.30	DKM	½ jam												
2.30-3.00	DKA	½ jam												
3.00-3.30	DKE	½ jam												
3.30 – 4.30 ptg	Rumusan oleh pihak industri	Setiap program terlibat memperoleh : 1 Interaksi x 1 jam = 1 (DKM = 1 jam, DKE=1 jam, DKA=1 jam)												
4.30 – 5.00 ptg	Majlis penutup	0												

Jadual 3.4: Kiraan Jam Interaksi PPI Untuk Aktiviti Ceramah/Syarah

MASA	AKTIVITI	KIRAAN JAM INTERAKSI
8.30 – 9.00 pagi	Pendaftaran	0
9.00 – 10.00 pagi	Majlis pembukaan	0
10.00 – 12.00 tghr	Sesi Ceramah 1 oleh pihak industri	2 jam
12.00 – 1.00 ptg	Q & A	1 jam
1.00 – 1.30 ptg	Majlis penutup	0

*3 jam diambilkira sebagai Jam Interaksi PPI

Jadual 3.5: Kiraan Jam Interaksi PPI Untuk Interaksi Atas Talian

MASA	AKTIVITI	KIRAAN JAM INTERAKSI
8.30 -9.00 pagi	Penerangan pengenalan oleh pensyarah kursus	0 jam
9.00 – 11.00 pagi	Sesi Ceramah 1 oleh pihak industri yang menggunakan video conference sebagai contoh : (skype/adobe connect/ google hangouts dan seumpamanya)	2 jam
11.00 – 11.30 pagi	Kesimpulan oleh pensyarah kursus	0 jam

*2 jam diambilkira sebagai Jam Interaksi PPI

Nota:

1. Politeknik perlu realistik dalam menyediakan tentatif program yang dapat mengukur tempoh jam pertemuan yang sebenar antara PPI dan pelajar berdasarkan jenis aktiviti yang dilaksanakan.
2. Bagi aktiviti yang melibatkan jam pertemuan melebihi 5 jam, politeknik perlu menyediakan dokumen/bukti yang lebih terperinci untuk membuktikan wujudnya jam pertemuan PPI seperti yang dilaporkan.

Jadual 3.6: Contoh Pengiraan 1 Program Mencapai Jam Interaksi

Politeknik : Politeknik Ungku Omar	$P = \frac{14}{17} \times 100 = 82.35\%$
Kategori : Premier	
Jum. program : 17	
<p>Sasaran pusat KPI PPI bagi politeknik premier adalah 80% dari jumlah program yang ditawarkan. Berdasarkan jumlah program yang ditawarkan, sebanyak 14 program perlu mencapai KPI PPI.</p>	

Jadual 3.7: Contoh Pengiraan Jam Pertemuan

Jabatan : Kejuruteraan Awam
Program : Diploma Kejuruteraan Awam
<p>Pengiraan 50 jam interaksi (bagi tahun 2016) program DKA dikira berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none">• 80% daripada jam interaksi (atau sejumlah 40 jam) aktiviti PPI adalah yang berkaitan dengan bidang pengajian pelajar<ul style="list-style-type: none">○ Lawatan Akademik ke JKR Ipoh (2 jam)○ Lawatan Teknikal ke Tapak Pembinaan Projek Sekolah Tambun (2 jam)○ Panel Penilai Projek Akhir DKA (6 jam)○ Penyelia Bersama Projek Akhir (14 jam)○ Syarahan Teknikal oleh Jurutera Daerah Ipoh (3 jam)○ Taklimat Teknologi Pembinaan Konkrit (2 jam)○ Kursus AutoCAD 3D (4 jam)○ Online conference (3 jam)○ Khemah Ukur (4 jam)• 20% daripada jam interaksi (10 jam) aktiviti PPI oleh jabatan/unit sokongan (Contoh: JPA/JMSK/Unit Sukan/Unit Psikologi dan Kerjaya)<ul style="list-style-type: none">○ Taklimat dan Praktikal Pencegahan Kebakaran oleh Bomba (kokurikulum)(4 jam)○ Kursus Pembangunan Resume dan Etika Temuduga (2 jam)○ Pertandingan <i>Public Speaking</i> (2 jam) (PPI sebagai Juri)○ Bengkel Pembahagian Harta Pusaka (2 jam)

3.4 RUMUSAN

Kaedah pelaksanaan PPI yang berkesan dapat membangunkan pelajar yang berdaya saing pada zaman era global ini. Justeru, kesungguhan dan komitmen padu daripada semua pihak yang terlibat dapat memastikan kejayaan program PPI dan dapat memberi impak yang besar serta menyeluruh kepada kualiti program pengajian Politeknik Malaysia.

BAB 4

AKTIVITI/PELAKSANAAN

(Zaharatul Akmar Binti Ahmad Zainuddin & Syarlina Syazliza Binti Saaid)

4.1 PENGENALAN

Pelaksanaan aktiviti PPI memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari, mengalami dan melihat sendiri prosedur dan sistem kerja di organisasi/industri, suasana pekerjaan, persekitaran organisasi/industri, teknologi terkini serta prosedur kerja yang sebenar. Ini memberi pengalaman pembelajaran baharu yang mengaitkan teori di dalam bilik kuliah dengan amalan organisasi di industri.

